



**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (25 SEPTEMBER 2021)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menahirkan penghargaan kepada Kerajaan atas kejayaan pelaksanaan keseluruhan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) walaupun terdapat beberapa isu yang dihadapi pada awalnya. Pada 21 September 2021, Jawatankuasa Imunisasi COVID-19 telah melaporkan bahawa 80.2% populasi dewasa di Malaysia telah menerima vaksin lengkap dan SUHAKAM mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah membuat keputusan untuk divaksinasi.

SUHAKAM menyokong sasaran PICK untuk mencapai imuniti berkelompok secepat mungkin, walau bagaimanapun, Kerajaan perlu menghormati hak setiap orang untuk menentukan kemahuan sendiri dan kebebasan untuk menolak vaksin atas sebab yang tertentu. Walau bagaimanapun, usaha perlu dipertingkatkan untuk menggalakkan mereka yang layak dari segi perubatan untuk mendapatkan vaksin COVID-19 menerusi penglibatan berterusan dengan komuniti untuk mempromosikan manfaat vaksin yang disokong oleh bukti secara saintifik bagi menghindari sebarang keraguan atau maklumat yang tidak benar.

SUHAKAM telah menerima sejumlah aduan berkenaan dakwaan diskriminasi yang dikenakan kepada mereka yang masih tidak divaksinasi, termasuk tidak dibenarkan kembali bekerja atau terpaksa menanggung sendiri kos ujian calitan, atau sekatan daripada memasuki premis bagi orang awam. SUHAKAM mengingatkan majikan untuk tidak menetapkan keperluan vaksinasi mandatori kepada pekerja atau mengenakan denda kepada pekerja yang enggan divaksinasi, sebaliknya majikan boleh menawarkan insentif bagi menggalakkan pekerja untuk divaksinasi. SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk mengambil tindakan segera bagi menangani isu-isu ini yang memerlukan pendekatan yang seimbang antara keutamaan kesihatan awam dan hak untuk dilayan secara adil tanpa diskriminasi. Selain itu, Kerajaan perlu melihat kepada kemungkinan untuk meluaskan peranan dan fungsi Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) dengan memanjangkan bantuan kepada pekerja yang mempunyai pertikaian berkaitan isu COVID-19, termasuk status vaksinasi, dengan majikan mereka.

SUHAKAM menyambut baik pengumuman baru-baru ini untuk membenarkan mereka yang lengkap divaksinasi beberapa kebebasan, antaranya, memasuki pelbagai tempat, makan di kedai makan dan menyertai gelembung perlancongan domestik. Bagi mengekang penularan pandemik COVID-19, Kerajaan atau pemilik premis boleh mengenakan sekatan kepada mereka yang masih belum lengkap divaksinasi atau memilih untuk tidak divaksinasi. Orang ramai perlu menyedari bahawa tujuan utama langkah-langkah ini adalah untuk melindungi manusia dan kesihatan awam; dan sebagai insentif kepada mereka yang telah mendapatkan vaksin. Walau bagaimanapun, sekatan tersebut tidak seharusnya menghalang sesiapa jua daripada menikmati keperluan hak asasi mereka termasuklah antaranya akses kepada Pendidikan, makanan dan penjagaan kesihatan, dan hanya boleh dikuatkuasakan sebagai pendekatan sementara sehingga imuniti kelompok dapat dicapai atau apabila pandemik telah beralih ke fasa endemik.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

**25 September 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau [shikin@suhakam.org.my](mailto:shikin@suhakam.org.my)*

**“Hak Asasi untuk Semua”**

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600